

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
NAIB CANCELOR
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN &
REKACIPTA (PEREKA) 2010 DAN MAJLIS MENANDATANGANI
MoU ANTARA UMS DENGAN SIRIM DAN MyIPO
5 APRIL 2010
DEWAN CANCELOR, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bismillahir Rahmannir Rahim

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Hamid Egoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS;

Yang Berbahagia, Datuk Dr. Beatrice Beth Baikan, ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia En. Kamil Mohamad, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia, MyIPO;

Yang Berbahagia Dr. Zainal Abidin Yusuf, Naib Presiden (Bahagian (Penyelidikan dan Teknologi) SIRIM Bhd;

**Yang Berusaha, Prof. Dr. Rosnah Ismail, TNC (P & I)
Merangkap Pengerusi JK PEREKA 2010**

Pegawai-Pegawai Utama & Kanan Universiti, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua jabatan,

Pegawai-pegawai Utama SIRIM Bhd dan MyIPO;

Datuk/Datin/Tuan/Puan serta warga penyelidik UMS yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnianya dapat kita bersama – sama menghadirkan diri ke Majlis Perasmian Penyelidikan dan Rekapipta (PEREKA) 2010 yang ketiga kali diadakan di UMS serta Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara UMS dan SIRIM Bhd. Dan UMS MyIPO.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana memberi saya peluang untuk berucap dalam majlis yang sangat signifikan ini.

Bagi pihak semua warga UMS, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan selamat datang kepada tetamu kehormat Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia, kerana meluangkan masa beliau untuk hadir merasmikan Majlis Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi ini dan sekaligus menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UMS dengan SIRIM dan MyIPO. Kehadiran Yang Berhormat sesungguhnya memberi nilai tambah kepada majlis ini dan seterusnya memberi dorongan kepada warga UMS untuk terus menyahut seruan Kerajaan untuk mengembangkan sains, teknologi dan inovasi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pertandingan penyelidikan dan rekapipta, PEREKA merupakan acara tahunan peringkat universiti untuk menyediakan platform untuk warga penyelidik UMS mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka.

Melalui pertandingan ini kita berharap dapat mencungkil hasil penyelidikan dan inovasi penyelidik-penyelidik UMS yang mempunyai impak yang signifikan ke arah pembangunan sosio-ekonomi Negara. Penyelidikan dan rekapipta yang memenangi anugerah semasa PEREKA akan dipilih untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun lepas, ekoran dari PEREKA 2009, UMS telah memenangi 42 pingat iaitu 6 emas, 13 perak dan 23 gangsa di peringkat Kebangsaan (MTE, ITEX, BioMalaysia & PECIPTA) dan 15 pingat, iaitu 3 emas, 4 perak dan 8 gangsa di peringkat antarabangsa (Geneva dan Korea).

Pada tahun ini sebanyak 155 penyelidikan dan 89 inovasi dari 9 kategori akan dipertandingkan. Bilangan ini menunjukkan peningkatan 18% dari tahun 2009. Peningkatan penyertaan ini memberi gambaran yang baik terhadap usaha universiti untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi di kalangan pensyarah dan pelajar, sejajar dengan hasrat UMS untuk menjadi Universiti Penyelidikan pada masa yang terdekat. Ini juga selaras dengan Program Malaysia Inovatif 2010 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada tahun 2006-2009, seramai 262 pensyarah UMS terlibat secara aktif sebagai ketua penyelidik yang merangkumi sebanyak 373 projek penyelidikan berjumlah sekitar RM29 juta. Pada tahun 2009, UMS telah memperolehi geran penyelidikan dalam pelbagai bidang berjumlah sekitar RM1.7 juta dari MOSTI (Sciencefund), RM0.6 juta dari KPT (FRGS) dan RM3.2 juta dari sumber luar, dari dalam dan luar negara. Sebahagian besar penyertaan pertandingan PEREKA kali ini adalah hasil dari projek penyelidikan-penyelidikan ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Untuk memastikan bahawa penilaian keatas hasil penyelidikan dan inovasi UMS dilakukan secara objektif, pengadil-pengadil luar dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan industri telah dijemput khas untuk membantu dalam pertandingan ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua para hakim dari dalam dan luar Sabah yang ada pada hari ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerjasama penyelidikan dengan institusi di dalam dan luar Negara merupakan salah satu strategi UMS untuk meningkatkan kualiti dan kerelevanan penyelidikannya. Seajar dengan hasrat ini, saya ingin merakam ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dari Zainal Abidin, wakil Ketua Pengarah Sirim dan En. Kamil Mohamad, Ketua Pengarah MyIPO kerana bersetuju untuk berkerjasama dengan UMS melalui Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) untuk mengembangkan penyelidikan dan inovasi di Negara kita. Sesungguhnya kedua-dua MoU ini akan menjadi pemangkin ke arah peningkatan kualiti dan pengkomersilan penyelidikan serta perlindungan harta intelek di UMS.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada staf UMS yang berjaya menganjur majlis 2 dalam 1 ini. Saya berharap majlis ini akan dapat mencapai matlamatnya.

Saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Sekian terima kasih.